

Oleh Fais Awae
Mantan Pensyarah Bahasa Melayu,
Prince of Songkhla University, Thailand.

KEPENTINGAN MENGUASAI PELBAGAI BAHASA

Perlukah kita menguasai pelbagai bahasa? Apakah kepentingannya kepada kita dan negara? Kerajaan melalui institusi pendidikan turut menawarkan pengajian pelbagai bahasa sama ada pada peringkat sekolah mahupun universiti. Malah, terdapat juga institusi pengajian tinggi yang mewajibkan penuntut kursus tertentu menguasai sekurang-kurangnya satu bahasa asing seperti bahasa Jepun, Arab, Thai, Sepanyol, Jerman, dan Mandarin.

Kita perlu membuka mata dan minda untuk melihat perubahan atau perkembangan dunia pada hari ini. Suatu waktu dahulu, bahasa berfungsi sebagai alat komunikasi untuk kita berhubung dengan masyarakat setempat. Dewasa ini, kita perlu menguasai pelbagai bahasa untuk berhubung dengan masyarakat di luar batasan sempadan negara kita. Contohnya, kita perlu menggunakan bahasa ketika berhubung dengan rakan-rakan dari negara China, Perancis, Amerika, Sudan atau mana-mana negara. Tanpa bahasa yang boleh difahami oleh kedua-dua pihak, komunikasi kita tidak akan berjaya. Hal ini memperlihatkan perlunya kita mempelajari pelbagai bahasa sebagai satu alat untuk berkomunikasi.

Seterusnya, jika kita menelusuri kehebatan beberapa tokoh lampau yang mampu menguasai banyak bahasa (poliglot) seperti Ziad Fazah; 58 bahasa, Emil Krebs; 68 bahasa (belajar lebih daripada 120 bahasa), Sir John Bowring; 200 bahasa (mampu bertutur 100 bahasa), George Dumezil; 200 bahasa, dan Giuseppe Gaspardo

Mezzofanti, 39 bahasa (ribuan dialek), pastinya kita akan dapat melihat kepentingan menguasai pelbagai bahasa sejak dahulu lagi. Malah, oleh sebab kehebatannya menguasai pelbagai bahasa, otak Emil Krebs telah diawet dan dijadikan bahan kajian di Institut Penyelidikan Otak di Dusseldorf, Jerman. Sememangnya, nama-nama besar ini bukan sahaja memberikan pelbagai sumbangan



Emil Krebs.

dari aspek politik, agama, kesenian dan kesusasteraan, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara mereka.

Satu kajian tentang penguasaan bahasa Mandarin pula menjelaskan bahawa terdapat satu bahagian otak yang akan bekerja secara aktif semasa kita mempelajari bahasa tersebut. Uniknyalah bahagian otak ini tidak akan bekerja semasa kita belajar bahasa-bahasa lain. Hal ini mungkin kerana bahasa Mandarin memiliki ton dan karakter yang membuatkan otak akan bekerja lebih giat berbanding dengan biasa. Kajian yang diperoleh daripada sumber *chinadaily.id* ini menunjukkan kelebihan yang kita peroleh sekiranya kita menguasai bahasa Mandarin sebagai bahasa kedua.

Memiliki daya konsentrasi yang tinggi

Seseorang yang mampu berkomunikasi dalam pelbagai bahasa juga akan memiliki daya konsentrasi yang lebih tinggi dan lebih baik berbanding dengan orang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ellen Bialystok dan Fergus I. M. Craik pada tahun 2010, terdapat peningkatan kemampuan otak untuk mengatasi gangguan dan mengawal konsentrasi terhadap tugas yang diberikan kepada mereka yang menguasai pelbagai bahasa. Mereka dilihat lebih cekap menapis hanya maklumat yang diperlukan, berdasarkan



pengetahuan bahasa mereka berbanding dengan mereka yang hanya menguasai satu bahasa. Sememangnya, hal ini dapat memberikan keyakinan diri yang tinggi untuk mereka berinteraksi dengan masyarakat luar.

Mudah berhubung atau berkomunikasi dengan masyarakat pelbagai kaum

Melalui bahasa, kita akan lebih mudah berhubung atau berkomunikasi dengan orang lain. Kemampuan untuk berinteraksi dalam bahasa lawan cakap mampu mengurangkan jurang kesalahfahaman berhubung dengan perkara yang dibincangkan. Bersesuaian dengan konteks negara kita yang berbilang kaum, sudah menjadi keperluan untuk kita mempelajari bahasa lain bagi merapatkan hubungan antara kaum. Orang Melayu

dan India perlu mempelajari bahasa Mandarin dan begitulah sebaliknya. Sebagai contoh, kita tidak akan berasa janggal untuk berkomunikasi dengan rakan yang berbangsa Cina sekiranya kita mampu berbahasa Mandarin. Begitu juga halnya jika kita berada dalam persekitaran masyarakat India, kemesraan dan kesefahaman akan menjadi lebih erat sekiranya kita mampu menggunakan bahasa Tamil ketika berkomunikasi dengan mereka. Keharmonian kaum akan dapat dikecapi jika kita memahami budaya dan adat resam kaum lain melalui bahasa.

Memudahkan komunikasi ketika melancong

Penguasaan pelbagai bahasa juga memudahkan kita untuk melancong ke mana-mana negara di dunia. Negara seperti

Spanyol, Jepun, Thailand, dan Korea misalnya, mengutamakan bahasa ibunda mereka dalam komunikasi dan sebilangan besar masyarakatnya pula kurang menguasai bahasa Inggeris atau bahasa asing yang lain. Oleh itu, menjadi satu keperluan kepada pelancong asing untuk mempelajari bahasa mereka bagi memudahkan komunikasi secara dua hala berlaku semasa berada di negara mereka.

Tambahan pula, menguasai bahasa negara yang dikunjungi akan memberikan nilai tambah tersendiri kepada pelancong. Misalnya, jika kita berkunjung ke Korea dan boleh berinteraksi dengan menggunakan bahasa Korea, peniaga akan memberikan kita "서비스" [so-bi-se] atau dalam bahasa Melayu "cenderahati" sebagai tanda kagum dan bangga mereka terhadap kita.

Oleh Fairul Asmaini
Mantan Pensyarah Bahasa Melayu,
Prints of Songkhla University of Technology



BERITA

Bertuahnya kalau kita pandai Mandarin, Tamil - Permaisuri

11/1/2020 Diterbitkan 4 Jan 2020, 1:13 pm A* A*

Sumber: Malaysiakini, 4 Januari 2020.

Memperoleh informasi terkini

Dengan menguasai bahasa negara yang kita kunjungi juga mampu meletakkan diri kita dalam lingkungan yang selamat. Lingkungan selamat yang dimaksudkan dalam konteks ini ialah kita akan dapat memahami sebarang kenyataan berkaitan dengan bencana alam atau pergolakan yang mungkin berlaku di negara yang kita kunjungi, yang dikeluarkan oleh media massa tempatan negara tersebut. Dalam hal ini, kita pastinya dapat memperoleh informasi terkini sejajar dengan masa penduduk negara itu menerima kenyataan tersebut, dan boleh membuat persediaan atau tidak mengunjungi tempat-tempat yang dijangka akan mengalami bencana alam seperti tsunami dan gempa bumi. Kita juga boleh merancang perjalanan dengan mendengar hebah media massa negara yang kita kunjungi, terutamanya berkaitan dengan ramalan cuaca. Secara tidak langsung, penguasaan bahasa akan membantu kita bersiap sedia dengan pelbagai kemungkinan di negara yang dikunjungi.

Mampu membina rangkaian kenalan di serata dunia

Di samping itu, penguasaan dalam pelbagai bahasa juga membantu penuturnya membina rangkaian kenalan atau sahabat di serata dunia. Dengan menguasai

Lew Voon Khong

Berkongsi sedikit pengalaman yang pernah dirasai sendiri oleh Lew Voon Khong, pelajar lulusan Sarjana Muda Keupujian Undang-undang dari University of London yang memperlihatkan kuasa bahasa untuk membina hubungan persahabatan.

“Saya sendiri memiliki pengalaman manis ketika menyertai pertandingan Mr. Diversity Culture International di Filipina baru-baru ini.

Salah seorang peserta dari Iran terkejut apabila saya menyapanya dalam bahasa Parsi dan sejak itu kami menjadi kawan rapat hingga hari ini. Memang diakui, kemahiran ini membolehkan saya mempunyai ramai kawan di seluruh dunia,” katanya yang juga juara dalam pertandingan berkenaan.

Sumber: Fairul Asmaini Mohd Pilus, asmaini@hmetro.com.my (12 Disember 2014)

pelbagai bahasa, kita dapat berinteraksi dengan sesiapa sahaja, terutamanya di dalam dunia tanpa sempadan hari ini. Penggunaan aplikasi TikTok dan juga YouTube untuk mempelajari pelbagai bahasa bukanlah asing lagi pada masa sekarang. Kita bukan sahaja dapat belajar, tetapi juga boleh berinteraksi dengan mereka yang mengajar dan juga mereka yang turut sama berada dalam platform tersebut. Kita akan dapat menggunakan bahasa yang dipelajari, meningkatkan tahap penguasaan bahasa dan menambah kenalan atau sahabat kerana kita berpeluang berinteraksi dengan mereka yang berminat mempelajari bahasa yang sama.

Menggal lebih banyak ilmu pengetahuan

Kita juga mampu menggal lebih banyak ilmu pengetahuan melalui penguasaan pelbagai bahasa yang baik. Ilmu berkaitan dengan agama Islam contohnya, memerlukan kita menguasai bahasa Arab untuk memahami tentang hukum-hukum yang ada dalam al-Quran dengan lebih mendalam. Jika kita tidak mahir



Jom blaja some Bahasa Mandarin #TikTokGuru

TikTok

28 likes

368 Pengikutan

tinggi
Seseorang yang berbudaya
berkomunikasi dengan

Search



Jom Belajar Bahasa Jepun dengan Anime

328 views · Aug 1, 2020

28

1

SHARE

3

5/

berbahasa Arab, berkemungkinan tafsiran terhadap ayat al-Quran tidak menepati maksud yang sebenarnya. Kesannya nanti bukan sahaja kepada kita yang membaca, tetapi juga masyarakat amnya. Begitu juga halnya dalam bidang teknologi maklumat, kita perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik agar kita mampu memahami istilah-istilah yang digunakan dalam bidang tersebut. Selain itu, penguasaan yang baik dalam bahasa Inggeris membolehkan kita membaca dan memahami artikel atau bahan bacaan lain yang berkaitan dengan bidang teknologi maklumat. Natijahnya, kita akan memperoleh lebih banyak ilmu berbanding dengan mereka yang tidak menguasai bahasa Inggeris.

Contoh lain ialah penguasaan bahasa Mandarin juga menjadi keperluan jika kita hendak mempelajari budaya dan sejarah Konfusius. Bahasa dan budaya ini terpisah tiada kerana budaya sesebuah masyarakat dapat diterjemahkan melalui bahasa yang dipertuturkan oleh masyarakat itu sendiri. Bahasa Mandarin berkait rapat dengan budaya dan sejarah Konfusius kerana terdapat banyak fakta di dalamnya yang tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa asing. Oleh itu, hanya mereka yang menguasai bahasa Mandarin yang mampu memahami falsafah dan pemikirannya dengan lebih baik. Secara tidak langsung, mereka memperoleh lebih banyak pengetahuan berbanding dengan orang lain yang tidak menguasai bahasa Mandarin.

Berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara

Penguasaan pelbagai bahasa juga membuka peluang kepada kita untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara. Contohnya, jika kita berminat untuk belajar di negara Jerman, kita perlu mempelajari dan menguasai bahasa Jerman dengan baik.

Sejak beberapa tahun belakangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuka ruang untuk pelajar sekolah menengah mempelajari bahasa Jerman di sekolah-sekolah harian. Hal ini memberikan ruang dan peluang kepada semua pelajar untuk belajar dan menguasai bahasa Jerman sebagai satu nilai tambah semasa melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Dalam masa yang sama, murid yang menguasai bahasa Jerman dengan baik mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran di Jerman dengan biasiswa kerajaan. Pastinya menjadi satu keseronokan melanjutkan pelajaran di negara orang kerana kita juga boleh melihat negara orang, umpamanya sambil menyelam minum air.

Dengan mengambil satu contoh lain, iaitu Universiti Malaya, ramai pelajarnya telah berjaya melanjutkan pelajaran ke Jepun dengan tahap penguasaan bahasa Jepun yang baik hasil program persediaan pengajian ke Jepun di bawah Ambang Asuhan Jepun. Melalui program ini, pelajar didedahkan kepada budaya dan bahasa Jepun agar mereka dapat menyesuaikan diri apabila berada di Jepun kelak. Kewujudan program ini disebabkan sistem pendidikan Jepun yang menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah dan juga pusat pengajian tinggi. Oleh itu, menjadi keperluan pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke Jepun menguasai bahasa dan budaya masyarakat Jepun.

Menjadi keperluan untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara

Selain keperluan untuk belajar di luar negara, penguasaan pelbagai bahasa juga menjadi satu keperluan bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam negara. Institusi pengajian tinggi

kini semakin banyak menawarkan kursus yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kerana keperluan menggunakannya. Justeru, peluang untuk kita mendapat tempat di pusat pengajian tinggi yang diimpikan hanya akan tercapai sekiranya kita mampu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Hal ini membuktikan bahawa penguasaan pelbagai bahasa akan membuka lebih banyak peluang untuk kita melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

KESIMPULAN

Hakikat yang tidak boleh disangkal lagi, penguasaan pelbagai bahasa pastinya memberikan nilai tambah kepada kita. Kemampuan kita menguasai banyak bahasa akan memberikan kita kelebihan. Tidak ada istilah “kerugian” jika kita mampu menguasai lebih daripada satu bahasa. Tepuk dada tanya selera, kita yang menentukan bahasa yang ingin dikuasai mengikut keperluan dan minat kita. Dengan segala kemudahan di dalam dunia tanpa sempadan hari ini, kita tidak perlu lagi duduk di bawah tempurung. Penguasaan pelbagai bahasa tentunya mampu meletakkan diri, masyarakat dan negara kita setara dengan negara maju di persada dunia. 🌟